

Operasi LHDN adil kepada pembayar

➔ Tindakan pematuhan cukai bukan bertujuan sukarkan masyarakat

Oleh **Suhaila Shahrul Annuar**
suhaila.shahrul@bh.com.my

► **Cyberjaya**

Tindakan pematuhan cukai dan operasi secara agresif oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bukan bertujuan menyukarkan masyarakat tetapi bagi memberi keadilan kepada kelompok pembayar cukai patuh.

Pengarah Jabatan Pematuhan Cukai LHDN, Mohd Jaafar Em-

bong, berkata LHDN sering menjadi perhatian masyarakat kerana boleh dianggap sebagai tulang belakang kerajaan bertanggungjawab memastikan setiap rakyat yang layak membayar cukai patuh kepada undang-undang sedia ada.

Beliau berkata, isu pengelakan cukai tidak sepatutnya dipandang remeh kerana menyebabkan ketirisan hasil yang boleh membantutkan kemajuan negara, sekali gus mendorong LHDN bertekad memudahkan pematuhan cukai dan mencegah sebarang cubaan mengelak pembayarannya.

Katanya, sistem percukaian yang berkesan sangat penting kepada kemandirian sesebuah negara, malah boleh dianggap sebagai aset negara dan setiap rakyat kerana melaluinya pelbagai kemudahan serta pendapatan dijana kerajaan, eterusnya dimanfaatkan semula untuk kebajikan semua.

"Kita tidak mahu mereka yang layak membayar cukai ini meli-



Mohd Jaafar Embong

hatnya sebagai beban atau seolah-olah memberi kepada LHDN kerana bila kita bayar cukai, bukan kita beri kepada LHDN, tetapi sebenarnya menunaikan tanggungjawab kepada negara, kesedaran ini amat penting untuk diterapkan kepada setiap rakyat di negara ini.

Elak ketidakpatuhan

"Pendidikan dalam pematuhan undang-undang percukaian adalah cara jangka panjang yang berkesan bagi memupuk sikap positif terhadap percukaian, manakala penguatkuasaan dalam bentuk audit dan penyiasatan adalah kaedah pencegahan bagi mengelak ketidakpatuhan," katanya.

Mohd Jaafar berkata, Jabatan Pematuhan Cukai LHDN berfungsi menyediakan dasar dan mengawal selia proses pengauditan yang dijalankan oleh 42 cawangan LHDN di seluruh negara.

"Proses audit terbahagi kepada dua iaitu Audit Meja yang dila-

kukan dalam pejabat LHDN dengan mengeluarkan surat pertanyaan berhubung isu dikenal pasti berdasarkan maklumat diberikan oleh pembayar cukai melalui Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) yang difailkan setiap tahun atau maklumat daripada pihak ketiga.

"Kedua ialah Audit Luar dilakukan di luar pejabat LHDN, di mana pegawai audit membuat lawatan ke premis perniagaan pembayar cukai tertentu berdasarkan kepada analisis risiko yang dibuat berasaskan faktor atau perimeter yang dikenal pasti melalui sistem canggih, Tax Audit Compliance System (TACS)," katanya.

Jaafar menjelaskan, dari segi percukaian, terjemahan pematuhan terbahagi kepada empat iaitu tidak berdaftar sebagai pembayar cukai, berdaftar sebagai pembayar cukai tetapi gagal melaporkan pendapatan, melaporkan pendapatan tetapi tidak betul dan gagal membuat bayaran cukai.